

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, July 29, 2019 3:51 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Accounting Competency Challenge Dedah Perakaunan Profesional



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 JULAI 2019 / 26 ZULKAEDAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

ACCOUNTING COMPETENCY CHALLENGE DEDAH PERAKAUNAN PROFESIONAL



UUM ONLINE: *Accounting Competency Challenge 2019* yang berlangsung selama tiga hari menguji pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam amalan perakaunan profesional.

Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Dr. Massudi Mahmuddin berkata, acara berasaskan persaingan ini bertujuan untuk mencabar kecekapan pelajar perakaunan dalam pelbagai aspek seperti pengetahuan, kemahiran interpersonal, kemahiran kepimpinan dan lain-lain.

"Peserta dapat mempelajari kerjaya seorang akauntan bukan sahaja melalui buku dan peperiksaan malah cabaran ini direka menyerupai situasi dunia sebenar dan masalah yang timbul setiap hari sebagai akauntan profesional," katanya.

Beliau menyeru para pelajar agar sentiasa bersedia dan merebut peluang yang datang dan acara ini menjadi platform dalam menimba pengalaman dan mengasah kemahiran kepimpinan yang amat bermanfaat apabila melangkah ke dunia kerjaya.

Beliau turut menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang menganjurkan acara yang cukup bermakna serta komitmen urusetia dalam menjayakannya.

“Tahniah kepada para peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan yang di akhir acara ini, peserta mendapat banyak kemahiran dan pengetahuan mengenai kerjaya ini,” ucapnya pada Majlis Perasmian di Dewan Seminar SMMTC, UUM.

Menurut pengarah projek, Lim Wee Kian, pertandingan ini berasaskan persaingan yang direka dengan pelbagai cabaran yang membolehkan para peserta menggunakan pengetahuan perakaunan yang dipelajari di dalam kelas.

Menerusi acara ini tambahnya, para peserta dapat meningkatkan kemahiran insaniah dan kerja berpasukan.

“Mereka belajar bagaimana menjadi pemimpin yang baik dan merancang secara strategik untuk memimpin sekumpulan orang dalam mencapai matlamat di masa depan.

“Saya berharap para peserta dapat mengaplikasikan pengetahuan yang mereka pelajari selama ini serta mengumpul banyak pengalaman berharga,” luahnya.

Selain itu, program ini menyediakan peluang kepada peserta dari universiti awam dan swasta untuk bertukar idea dan meluaskan jaringan dengan pihak luar.

Antaranya Universiti Malaya, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Taylor University, UCSI University dan Multimedia University.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.